

26 FEB 2003

OIC-Mahathir (Senjata)/I

OIC GESA IRAQ PATUH RESOLUSI PBB

KUALA LUMPUR, 26 Feb (Bernama) -- Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) hari ini menggesa Iraq mematuhi sepenuhnya Resolusi 1441 Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) mengenai pelucutan senjata pemusnah besar-besaran dan berpendapat resolusi baru mengenainya sebagai tidak perlu.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata OIC yang mengadakan mesyuarat tidak rasmi di sini, berpendapat bahawa resolusi yang sedia ada sudah memadai.

"Mereka (pemeriksa senjata PBB) perlu dibenarkan meneruskan pemeriksaan bagi mengesahkan sama ada terdapat senjata pemusnah besar-besar," katanya kepada sidang media selepas mempengerusi mesyuarat yang dihadiri 51 anggota OIC itu.

Menjawab satu soalan, beliau berkata ada pihak yang beranggapan Iraq tidak akan mematuhi resolusi itu jika tiada ancaman perang.

Katanya, pasukan pemeriksa pernah dihantar ke Iraq selepas Perang Teluk tetapi mereka mendakwa Baghdad tidak memberikan kerjasama.

"Tetapi Iraq tidak menghalang mereka meneruskan pemeriksaan. Mereka sendiri memutuskan untuk keluar, jadi Iraq tidak boleh dipersalahkan jika pemeriksa itu membuat keputusan untuk tidak meneruskan pemeriksaan.

"Jika mereka tidak keluar, mereka akan dapat meneruskan pemeriksaan dan saya agak tentu mereka akan menjumpai sesuatu jika ada," katanya.

Beliau berkata masalah yang dihadapi Iraq adalah ia tidak mempunyai apa-apa untuk ditunjukkan, oleh itu andaiannya ialah Iraq menyembunyikannya atau berbohong.

"Jadi bagaimana sekali pun Iraq tidak akan terlepas dari jerat," katanya.

Sidang Kemuncak Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) ke-13 semalam mengeluarkan Penyataan Mengenai Iraq yang menggesa negara Arab itu mematuhi Resolusi 1441 dan resolusi lain yang berkaitan, untuk melucutkan senjata.

"Kami percaya langkah ini (mematuhi resolusi Majlis Keselamatan) merupakan langkah penting yang akan membuka laluan bagi penyelesaian yang komprehensif dan aman terhadap semua isu tertangguh antara Iraq dan PBB dengan mengambil kira kebimbangan semua pihak yang menerima kesannya, termasuk jiran-jiran Iraq," kata para pemimpin NAM dalam penyataan dua muka surat yang diperakukan pada akhir mesyuarat dua hari itu.

-- BERNAMA

AZZ AZZ MOZ